

02/12/1998

Permintaan Kembara meningkat sehingga 6,000 unit

PERMINTAAN pembeli terhadap kenderaan pacuan empat roda nasional, Kembara keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) semakin meningkat sehingga 6,000 unit setakat ini.

Pengarah Urusan Perodua, Ab Rahman Omar, berkata jumlah itu melebihi sasaran pengeluaran awal yang dibuat ketika pelancaran iaitu antara 600 hingga 1,000 sebulan.

Menurutnya, jumlah itu dijangka terus meningkat, malah pihaknya terpaksa meningkatkan pengeluaran kira-kira 1,300 unit sebulan bagi memenuhi permintaan.

Bagaimanapun, pengeluaran menjelang Ramadan dijangka tidak begitu menggalakkan.

Beliau berkata, peningkatan secara keseluruhan itu menyebabkan tempoh pesanan Kembara mengambil masa agak lama iaitu kira-kira lima hingga enam bulan untuk dipenuhi.

"Tempoh itu hanya untuk 6,000 unit yang ditempah setakat ini dengan purata pengeluaran 1,500 unit sebulan dan tidak termasuk permintaan akan datang," katanya selepas Majlis Melepaskan Bendera Kembara Perodua Liputan Radio Sukan Asia Ke-13 di perkarangan Wisma Radio, Angkasapuri, di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Afdal.

Ab Rahman berkata, Perodua mengeluarkan 400 unit Kembara pada Ogos, September (600) dan lebih 700 pada Oktober, malah tempahan 2,800 diterima selepas pelancaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 25 Ogos lalu.

Ditanya cadangan memasarkannya ke pasaran antarabangsa, beliau menganggap Kembara adalah produk baru di pasaran tempatan walaupun permintaan menggalakkan.

Beliau berkata, pihaknya tidak bercadang berbuat demikian sehingga pasaran tempatan betul-betul stabil dalam tempoh dua tahun ini.

Ab Rahman berkata, Perodua memperuntukkan lebih RM60,000 bagi menaja liputan radio RTM bagi Sukan Asia Ke-13 di Bangkok, mulai 6 hingga 20 Disember depan.

Katanya, jumlah itu membabitkan sumbangan lima Kembara, kos mekanik, elaun harian, penginapan dan caj telefon. Kira-kira 18 orang dijangka menyertai kumpulan itu dengan 13 daripadanya adalah kakitangan radio.

Kumpulan itu dijangka bertolak mulai jam 8.30 pagi esok dengan perjalanan selama tiga jam dan dijangka berhenti sehari di Hadnyai.

"Ekspedisi itu adalah yang kedua selepas Ekspedisi North Borneo ke Sabah dan Sarawak pada 25 November hingga Jumaat ini juga dapat menguji keupayaan Kembara yang sebelum ini diragui kemampuannya untuk menyertai kegiatan lasak.

(END)